

Ahli Umno digesa pimpin rakyat jayakan misi RMK-9

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua ahli Umno berusaha memimpin masyarakat supaya sama-sama berusaha dan membantu menjayakan agenda Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Presiden Umno itu berkata, sebagai ahli parti terbesar di negara ini, mereka perlu bersama-sama rakyat pada peringkat akar umbi bagi membantu menjayakan Misi Nasional negara.

Semua pihak seperti golongan muda dan wanita termasuk suri rumah perlu berperanan memberi sumbangan kepada kemajuan negara dan bangsa, tanpa mengira tempat tinggal, sama ada di bandar atau di kampung.

"Umno mesti menjadi golongan yang pertama, golongan terbesar dan berpengaruh untuk menggerakkan tenaga rakyat supaya masing-masing menggunakan kemampuan yang ada untuk menjayakan RMK-9.

"Kita akan dapat kejayaan yang diharapkan itu jika semua memainkan peranan termasuk ibu di rumah yang mendidik anak sebaik mungkin untuk menjadi pelajar cemerlang dan pelapis negara suatu hari nanti," katanya.

Perdana Menteri yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas berucap pada majlis pe-

rasmian serentak Persidangan Umno Cawangan Kepala Batas termasuk Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno.

Kira-kira 200 ahli jawatankuasa Umno dari 82 cawangan di Kepala Batas menghadiri majlis itu. Abdullah menegaskan, perjuangan Umno memartabatkan bangsa belum selesai dan ahli perlu memikul tanggungjawab yang diamanahkan itu bagi memperkasa bangsa dan negara.

Sementara itu, pada sidang media selepas majlis Pelancaran Perdana Kompeni Askar Wataniah Kawasan Parlimen Kepala Batas, Batu Kawan dan Nibong Tebal di Kompleks Sukan Bertam, di sini, Abdullah mahu setiap anggota Askar Wataniah komited terhadap tugas dan amanah mempertahankan negara walaupun perkhidmatan mereka adalah sukarela.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Abdullah berkata, penubuhan pasukan sukarela adalah satu elemen yang amat penting bagi membantu mempertahankan negara daripada ancaman luar.

Katanya, negara memerlukan pasukan sukarela lain seperti kadet polis ataupun tentera sebagai persediaan menghadapi cabaran akah datang dan keanggotaan itu perlu ditambah dari semasa ke semasa.